

Menyingkap Isu-Isu Etika dalam Penggunaan Data Peribadi pada Laporan Penyelidikan Tindakan

oleh

Chuah Kim Hwa
Jabatan Penyelidikan

ABSTRAK

Dalam proses menjalankan penyelidikan, seseorang penyelidik itu tidak dapat melarikan diri daripada berdepan dengan isu-isu etika. Isu-isu tersebut melanda seseorang penyelidik itu pada setiap peringkat dalam aktiviti menyelidik, bermula dari awal lagi seseorang penyelidik itu memulakan penyelidikan sehinggalah ke peringkat perkongsian hasil dapatan penyelidikan. Isu-isu berkenaan memang saya hadapi dalam proses saya melibatkan diri secara langsung dalam penyelidikan tindakan (PT) pendidikan. Artikel ini memaparkan secara khususnya isu-isu etika serta dilema yang saya hadapi dalam penggunaan data peribadi pada laporan PT saya dan bagaimana saya menghadapi isu serta dilema tersebut.

Bermulanya...

16 tahun sudah berlalu sejak penyelidikan tindakan (PT) pendidikan mula diperkenalkan di Malaysia pada tahun 1989 (Chuah, 1998). Kita dapat melihat aktiviti-aktiviti PT giat dijalankan di maktab/institut perguruan Malaysia, sekolah-sekolah melalui Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD) di bawah *Program for Innovation, Excellence and Research (PIER)* (semenjak 1993) serta universiti-universiti (Chuah, 2005). Saya sendiri telah mula menjejak kaki dalam dunia PT sejak tahun 1995 melalui penglibatan diri sebagai fasilitator dalam kursus dan bengkel kepada guru pelatih, guru terlatih serta rakan pendidik guru selain terlibat secara langsung sebagai penyelidik PT (Chuah, 1998, 1999, 2000a, 2000b, 2001a, 2001b, 2001c, 2002, 2004, 2005a, 2005b) dan pasukan penulis Garis Panduan Kursus Penyelidikan Tindakan Untuk Maktab/ Institut Perguruan Malaysia, Bahagian Pendidikan Guru 2001 (Garis Panduan 2001). Saya ingin berkongsi pengalaman berkenaan selaku *insider* dalam PT pendidikan hasil daripada penglibatan langsung dalam PT. Saya percaya perkongsian ini seterusnya dapat mengembangkan refleksi sendiri selain mencari jawapan kepada dilema dan isu berkaitan dengan PT.

Dalam dunia penyelidikan pendidikan, seseorang penyelidik tidak dapat melarikan diri daripada menghadapi dan membuat keputusan berkaitan dengan etika penyelidikan dan pendidikan. Isu-isu berkenaan melanda seseorang penyelidik itu pada setiap peringkat dalam aktiviti menyelidik, bermula dari awal lagi seseorang penyelidik itu memulakan penyelidikan sehinggalah ke peringkat perkongsian hasil dapatan penyelidikan. Malahan, isu-isu tersebut diperbincangkan walaupun aktiviti penyelidikan telah bertahun-tahun selesai dilaksanakan. Guillemin dan Gillam (2004) membicarakan tentang dua dimensi etika dalam penyelidikan yang dinamakan mereka "*procedural ethics*" dan "*ethics in practice*" serta memperkenalkan konsep "*microethics*" dan "*reflexivity*" dalam penyelidikan. "*Procedural ethics*" membincangkan tentang pemerolehan persetujuan daripada jawatankuasa etika yang berkaitan untuk menjalankan penyelidikan yang melibatkan manusia manakala "*ethics in practice*" membincangkan isu-isu etika harian yang timbul dalam membuat penyelidikan (Guillemin & Gillam, 2004: ms 263). "*Microethics*" dikatakan mereka berperanan sebagai alat untuk perbincangan, mengesahkan dan memahami lebih "*ethically important moments in research practice*" manakala "*reflexivity*" berperanan memberi panduan bagaimana menghadapi "*ethical events*" (Guillemin & Gillam, 2004: ms 227).

Isu-isu etika sememangnya saya hadapi dalam proses penglibatan saya dalam PT. Artikel ini menyingkap beberapa isu etika penting yang merangkumi dimensi dan konsep-konsep yang dinyatakan oleh Guillemin dan Gillam (2004) dengan memberi tumpuan khususnya kepada isu-isu etika dalam penggunaan data peribadi pada laporan PT. Ia juga memaparkan dilema yang saya hadapi dalam penggunaan data peribadi pada laporan PT saya dan bagaimana saya menghadapi isu serta dilema tersebut. Harapan di sini ialah penyelidik dan pendidik yang terlibat dalam PT mendapat iktibar daripada perkongsian ini dalam proses mengambil tindakan wajar semasa menghadapi isu-isu berkenaan. Becker pernah (1967) berpendapat bahawa:

"We must always look at the matter from someone's point of view. The scientist who proposes to understand society must, as Mead long ago pointed out, get into the situation enough to have a perspective on it" (ms 246).

Kesedaran dan kefahaman lebih tentang isu-isu etika berkaitan dengan penggunaan data peribadi pada laporan PT menjadi sesuatu yang kritikal memandangkan metod PT menjadi jambatan penghubung amalan (pendidikan) dan penyelidikan. Penyelidikan dan amalan pendidikan diselidiki oleh pengamal sendiri (pendidik) selaku penyelidik dalam usaha menambahbaik amalan sendiri berdasarkan bukti yang dikumpulkan (CARE, 1994).

Situasinya...

Situasi 1:

Saya telah mengikut apa yang saya rancang seperti dari segi bentuk soalan reflektif yang hendak digunakan. Transkripsi rakaman audio sesi perbincangan reflektif yang dipetik di sini menunjukkan usaha menggunakan soalan ROA pada peringkat awal perbincangan reflektif iaitu:

*Saya: Jadi, bagaimana perasaan cikgu tadi?
Peserta: Seronok!
Saya: Kenapa cikgu kata seronok?
Peserta: Sebab api padam...ada persaingan!
(20/9/2000, T1, m.s. 1)*

Pada peringkat merancang pula, sebagai contohnya, soalan ROA yang dikemukakan ialah:

*Saya: Faktor apa yang diambil kira semasa merancang untuk membina?
Nadia: Mengambil kira bahan yang ada.
Taib: Jarak.
Saya: Selain jarak?
Aida: Keupayaan memadamkan api.
Saya: Apa maksudnya keupayaan memadam api?
Taib: Keupayaan bahan.
Nadia: Ketahanan bakar atau keupayaan bahan.
Saya: Keupayaan bahan?
Nadia: Keupayaan penggunaan, macam mana kita nak guna alat kita. (20/9/20, T1, m.s. 6-7).
(Chuah, 2000b: ms 42-43)*

Situasi 2:

Suatu hari (8 Mei 2003), ketika murid-murid menjalankan aktiviti individu, saya dapati Alang membuat aktiviti lain. Saya pun menghampirinya. Saya dapati lembaran kerja yang saya edarkan berada di bawah meja. Alang kelihatan melakar sesuatu di dalam buku latihannya sambil berkata-kata. Saya memerhati gelagat dan tutur katanya yang halus dan masih tersekat-sekat itu. Saya terdengar beliau berkata "...mon." Saya biarkan Alang meneruskan lakarannya dan terus memerhati tingkah lakunya. Apabila beliau berhenti, saya pun menyoalnya. "Alang lukis apa tu? tanya saya. "...mon," jawab

Alang sambil tersenyum (Jeffrey anak Menggu dalam Prosiding Seminar Kajian Tindakan, 2003: ms 140).

Dua situasi yang saya paparkan tadi merupakan beberapa contoh petikan data peribadi yang digunakan saya dan seorang penyelidik PT lain pada laporan PT masing-masing. Data seperti ini tidaklah asing pada laporan PT memandangkan pelbagai kaedah pengumpulan data seperti pemerhatian-penyertaan, penganalisisan dokumen (contohnya, rekod rasmi, surat rasmi, surat peribadi, diari dan jurnal) dan temubual digunakan. Saya ingin menarik perhatian anda kepada data jenis peribadi khususnya (dokumen peribadi umumnya) yang digunakan pada laporan PT.

Mengikut Hitchcock dan Hughes (1995), dokumen terdiri khususnya daripada teks bertulis berkaitan dengan sebahagian dunia atau alam sosial. Namun, terdapat juga dokumen berbentuk artefak atau gambar yang merupakan data penyelidikan. Dokumen bertulis pula terdiri daripada dokumen rasmi seperti surat, memo dan minit mesyuarat manakala dokumen peribadi adalah dokumen yang disediakan secara peribadi seperti surat, diari dan jurnal. Data yang dikumpul dalam bentuk dokumen peribadi khususnya mengandungi petikan kata-kata ("*quotation*") dan ada kalanya berbentuk naratif.

Data jenis naratif ini adalah berasaskan pandangan dan realiti yang dibentuk sendiri oleh partisipan kajian dan penyelidik sendiri adalah sebagai partisipan yang turut serta dalam PT. Selaku penyelidik PT, saya tidak dapat melarikan diri daripada menggunakan data jenis peribadi untuk menulis laporan. Ini dipengaruhi oleh proses PT itu sendiri yang mana saya sendiri selaku penyelidik turut serta ("*participate*") dalam menjalankan tindakan. Definisi PT daripada dua orang tokoh PT saya gunakan. Kemmis (1988) mendefinisikan PT sebagai:

"...a form of self-reflective enquiry undertaken by participants (teachers, students or principals, for example) in social (including educational) situations in order to improve the rationality and justice of: (a) their social or educational practices (b) their understanding of these practices, and (c) the situations (and institution) in which these practices are carried out" (ms 42).

Di sini, PT mengkaji amalan sendiri dan untuk tujuan memperbaiki amalan sendiri guru dengan harapan murid-murid memperoleh kemahiran atau mencapai keputusan yang lebih baik dari dahulu.

Elliott (2003: ms 173) menegaskan semula PT sebagai "*...the improvement of practice*" untuk definisi awal PT beliau pada tahun 1981 yang dipetik dalam Garis Panduan 2001, iaitu PT adalah:

“the study of social situation [classroom/school] with a view of improving the quality of action [managing classroom/managing teaching and learning/managing school] within it – carried out by practitioners seeking to improve their understanding of events, situations and problems so as to increase the effectiveness of their practice” (ms 33).

Definisi PT yang diberikan menekankan elemen menambahbaik amalan sendiri dan dalam usaha tersebut membaiki kualiti pendidikan untuk mereka yang berada di bawah jagaannya. Justeru, saya sendiri merupakan salah seorang partisipan dalam PT berperanan sebagai orang dalaman (*“insider”*) dan adakalanya sebagai orang luar (*“outsider”*). Ini merupakan tambahan kepada apa yang dibincangkan oleh Samuel, Sithamparam dan Marohaini (2004) berkaitan dengan kedudukan mereka sebagai penyelidik selaku penulis dalam kajian kualitatif mereka yang mana mereka membincangkan tentang ‘penyelidik di luar pentas’ dan ‘penyelidik di atas pentas’. Ia dikatakan sebagai tambahan kerana PT melibatkan penyelidik itu sendiri selaku pengamal di samping sumber data lain seperti murid, rakan kritis, rakan penyelidik, guru-guru lain dan pentadbir dalam proses PT.

Data jenis peribadi yang dikumpul sebagai contohnya dari transkrip temubual dan penulisan jurnal partisipan kajian meyebabkan penyelidik PT tidak dapat melarikan diri daripada menjadi pencipta dokumen baru (Hitchcock & Hughes, 1995: ms 213) selain menjadi pengguna dokumen yang sedia ada. Bila data bertulis khasnya yang berbentuk peribadi digunakan pada laporan, data tersebut menjadi sumber bertulis dan mempunyai potensi menjadi dokumen.

Data-data digunakan untuk penulisan laporan dan bentuk-bentuk hasil kajian lain seperti artikel agar hasil kajian tersebut dapat dikongsi dengan masyarakat penyelidik atau sesiapa yang mempunyai hubungan dengan bidang kajian yang diselidik. Mengikut Stenhouse (dalam McKernan, 1996), penyelidikan adalah satu bentuk aktiviti komuniti dan merupakan

“...systematic and sustained inquiry, planned and self-critical, which is subjected to public criticism, and to empirical tests where these are appropriate” (ms 240).

Bagi Ebbutt (dalam Burgess, 1985), menulis laporan membantu dalam hal ini. Penyelidik yang terlibat dalam PT pendidikan mesti bersedia menghasilkan laporan bertulis tentang aktiviti-aktiviti mereka khususnya tindakan sendiri yang berkemungkinan menjadi kritikan umum. Lagipun, PT mengkaji situasi daripada pandangan mereka (partisipan) yang terlibat dalam kajian.

Somekh (1994) dalam CARE memberi gambaran yang amat jelas tentang ini. Mengikut beliau,

“Action research reports are always written in the first person. To do otherwise is difficult to defend methodologically. The practitioner-researcher examines his or her own behaviour in a particular social situation as part of the investigation. At the core of action research lies the process of reflection in which research data is used to inform an ever-deepening understanding of the complexities and richness of social interaction in groups. Action research reports need to document some aspects, at least, of the researcher’s personal reflection in order to establish the validity of the research. Interpretation, judgement and decision-making can only be made by the researcher. In this sense, the self is a research instrument and the report must demonstrate that the action researcher is aware of the many factors which are creating personal or professional uncertainty and stress, and may have influenced interpretations, judgement and decisions” (ms 14).

Perbincangan tadi membawa kepada persoalan-persoalan berikut: Apakah isu-isu etika yang timbul serta diberi perhatian saya selaku penyelidik PT bila data jenis peribadi digunakan untuk menulis laporan, tesis atau artikel PT? Apakah tindakan-tindakan yang saya ambil semasa menggunakan data peribadi pada laporan PT?

Sebelum saya menyingkap isu-isu etika berkaitan, terlebih dahulu saya ingin menjelaskan secara ringkas maksud etika dalam penyelidikan. Mengikut Vallance (2004), etika penyelidikan:

...are the guiding principles, based on values that esteem people and the growth of social structures, that promote and safeguard the integrity of all persons involved in the research: participants; gatekeepers; stakeholders; researchers and research consumers, to promote the good of all without sacrificing the interests of any, so that the research outcomes represent a progress worthy of the time and resources expended” (ms 4).

Etika penyelidikan sering dikaitkan dengan tindakan manusia yang ‘betul’ dan ‘salah’ dalam aktiviti penyelidikan. Justeru, tidak hairanlah sering timbul istilah-istilah seperti hormat (“*respect*”), adil (“*justice*”), percaya (“*trust*”), setia (“*fidelity*”), tanggung jawab (“*duties*”) dan hak (“*rights*”). Hak partisipan kajian seperti hak kerahsiaan (“*anonymity*”, “*privacy*”), “*informed consent*”,

akses dan penerimaan sudah pasti timbul dalam PT seperti juga dalam penyelidikan lain yang melibatkan manusia sebagai partisipan atau subjek kajian. Terdapat beberapa garis panduan etika berkaitan dengan penglibatan manusia sebagai subjek atau partisipan kajian seperti "*Ethical guidelines for the Institutional Review Committees for Research with Human Subjects*" (Social Sciences and Humanities Research Council of Canada, 1981 dalam Burgess, 1989); 12 prinsip etika sebagai panduan untuk PT yang digariskan oleh Kemmis dan McTaggart (1981) yang dipetik daripada Hopkins (1985) dan "*Some Principles and Procedures for the conduct of Action Research*" oleh Winter (1996) dalam Zuber-Skerritt (1996).

Walaupun terdapat pelbagai garis panduan, sering timbul konflik di antara hak menjalankan penyelidikan dan mendapatkan pengetahuan dengan hak individu atau mereka yang terlibat dalam penyelidikan. Frankfort dan Nachmias (dalam Cohen & Manion, 1994) menamakan konflik ini sebagai "*conflict of two rights*". Sebagai contohnya, Hilary Burgess (1985) dalam "*Case Study and Curriculum Research*" menceritakan tentang penggunaan petikan kata-kata rakaman temubual dalam laporannya memeranjatkan guru-guru yang terlibat dalam penyelidikannya. Beliau menekankan perlunya unsur kepercayaan pada integriti penyelidik untuk membolehkan data dikumpul (ms 191-193). Alison Kelly dalam "*The Ethics of School Based Action Research*" [dalam Burgess (1989)] membincangkan tentang masalah etika yang timbul dalam kajiannya iaitu penurunan nilai serta memperoleh "*informed consent*" guru-guru yang terlibat dalam projek "*Girls into Science and Technology*" (GIST) kerana nilai yang dipegang oleh penyelidik yang ingin membawa perubahan tidak semestinya dipersetujui oleh guru-guru. Justeru, keupayaan penyelidik dalam berunding dengan guru-guru serta mempengaruhi guru-guru yang terlibat bahawa penyelidikan adalah untuk kelebihan pelajar menjadi penting. Isu etika berkaitan dengan hak subjek atau partisipan kajian dan penyelidik PT timbul dalam kes ini.

Dalam proses saya menulis laporan PT saya, isu-isu etika berkenaan juga saya hadapi. Dalam artikel ini, tumpuan saya pada etika berkaitan dengan hak kerahsiaan dan "*informed consent*". Saya bermula dengan hak kerahsiaan ("*anonymity*" dan "*privacy*").

Apabila berbincang tentang laporan PT, saya tidak dapat melarikan diri daripada menggunakan data jenis peribadi. Sebagai contohnya, pada laporan PT 2000b:

"...Pada dasarnya, pengumpulan data adalah berkaitan dengan amalan saya dan ini bukan merupakan dilemma yang saya hadapi. Dilema timbul semasa saya mengumpul data tentang jawapan yang diberi oleh partisipan dan jelas kelihatan partisipan kursus tidak berasa selesa. Ada di kalangan peserta kursus yang bersikap defensive semasa

tembual terutama sekali bila soalan yang ditanya itu berkaitan dengan jawapan yang mereka hasilkan tentang PT. Ini jelas dari segi nada suara, air muka serta ketidakselesaan yang ditunjukkan dari segi body language. Saya mendapati tembual tersebut telah mencerooboh ruang partisipan dan akhirnya saya berputus untuk menerangkan kepada peserta kursus kenapa saya menanya soalan. Saya juga menceritakan tentang interpretasi saya atas jawapan yang mereka beri. Saya secara terus terang memaklumkan mereka bahawa hasil grafik mencadangkan mereka sebenarnya kaya dengan pengalaman dan pengetahuan yang membolehkan mereka menggunakan kekayaan tersebut untuk menjawab soalan yang saya kemukakan. Adakah ini merupakan indikator bahawa tembual dalam PT perlu mengambil kira faktor perbincangan dan tidak setakat menemubual untuk mengumpul data? Mungkinkah ini yang dimaksudkan oleh Elliott (1980) sebagai "clarifying action perspectives?" (ms 317) (Chuah, 2001b: ms 64-65).

Soal sama ada data jenis ini melanggar hak kerahsiaan saya dan adil digunakan pada laporan PT saya tidak timbul kerana PT mengkaji amalan saya khususnya tentang tindakan saya dalam PT. Ini berkaitan dengan paradigma menambahbaik amalan saya dalam PT (Chuah, 2002: ms 10). Rasional dan sebab saya selaku individu yang melaksanakan tindakan serta partisipan perlu dimaklumkan kepada partisipan kajian yang lain selain dilaporkan pada laporan PT.

Sememangnya saya menghadapi dilema bila berputus untuk menggunakan data jenis ini dan apabila menjalankan PT. Elliott (1981) dalam Altrichter (1993) pernah menyatakan "...some action researchers undergo phases of anxiety, uneasiness and feelings of being 'deskilled'..." (ms 50). Fasa-fasa ini memang saya lalui tetapi saya memilih untuk melihatnya sebagai fasa-fasa yang membolehkan saya memahami lebih mendalam lagi tentang diri saya selain daripada sebagai fasilitator kursus PT. Metod PT itu sendiri memberi justifikasi penggunaan data yang dijana saya sebagai pengamal selaku penyelidik ke arah menambah amalan sendiri. Namun, data jenis ini tidak digunakan secara sewenang-wenangnya sehingga terlalu dititikberatkan aspek sendiri pada laporan PT. Artikel saya "*Positioning one-self in action research report: An insider's perspective*" (Chuah, 2005b) menjelaskan tentang ini dan mencadangkan beberapa langkah menghadapi dilema ini. Apabila seseorang penyelidik PT terlalu menitikberatkan perkembangan diri dan mengabaikan isi kandungan serta tindakan dalam hubungan dengan isu pedagogi pada laporan PT, akan timbul situasi di mana PT akan dipersoalkan legitimasinya sebagai satu metod penyelidikan.

Tidakkah data pada laporan PT menimbulkan dilema berkaitan dengan *“biasness towards the action researcher or participants of AR and truthfulness or “credibility”... (Chuah, 2005b)?*

Mertens (1998) mencadangkan antara lain langkah-langkah dalam mewujudkan kredibiliti pada penyelidikan kualitatif yang pada padangan saya boleh digunakan pada PT. Antara langkah tersebut ialah *“prolonged, substantial engagement, persistent observation, peer debriefing, member checks and triangulation”* (ms 181-183). Altrichter (1993) mencadangkan penyelidik PT perlu:

“confront different perspectives on the same situation and use ‘discrepancies’ as a starting point for the development of your practical theory” (ms 47).

Saya lebih berminat dengan prosedur *“clarifying action perspectives”* yang dicadangkan Elliott (1980: ms 317) di mana perspektif berbeza daripada partisipan PT digunakan. Prosedur ini saya gunakan pada PT saya (Chuah, 2000b: ms 37-38) seperti yang ditunjukkan pada Jadual 1 walaupun terdapat prosedur lain yang saya guna.

Jadual 1: Analisis pelaksanaan kursus pendedahan PT pendidikan

Apa yang saya harapkan daripada kursus ini	Apa yang saya lakukan semasa kursus ini	Perspektif partisipan			
		Peserta kursus	Rakan kritis		Saya
			Joe	Suzy	
Premis perbincangan reflektif serta Objektif kursus	Tindakan-tindakan saya	Apa yang dilalui dan diperhatikan	Apa yang diperhatikan	Apa yang diperhatikan	Apa sebab tindakan tertentu diambil (<i>reflection-on-action</i> dan <i>reflection-in-action</i>)

[Sumber: Jadual 3 (Chuah, 2000b: ms 37)]

Peserta kursus, dua orang rakan kritis saya dan refleksi saya yang digabung dengan catatan lapangan saya merupakan sumber data. Data-data ini disertakan bersama pada laporan PT. Sebagai contohnya, dalam membincangkan tentang penggunaan perbincangan reflektif dalam PT tersebut, saya melaporkan:

“Terlalu lama perbincangan reflektif digunakan yang dikatakan sebagai sesi soal jawab: transkripsi rakaman audio dengan Adi, 30 tahun berpengalaman mengajar 9 tahun (salah seorang partisipan dalam PT) menjelaskan kekaburan

Jurnal Penyelidikan MPBL, Jilid 6, 2005

arah tuju perbincangan reflektif. "Masa aktiviti seronok. Bahagian soal jawab; tidak tahu apa yang dikehendaki" (Adi, 5/10/2000/T10, ms 2). Beliau menjelaskan lagi, "Cara sesi soal jawab tidak jelas. Jika tahu objektif, lebih senang. Bila ditanya kumpulan kami, Bersedia, kena fakir 2 atau 3 kali apa yang nak dicakap sebelum jawab" (Adi, 5/10/2000/T10, ms 2). Muna, 29 tahun berpengalaman mengajar selama 8 tahun menceritakan bahawa beliau dimaklumkan oleh salah seorang ahli kumpulan Bersedia tentang ini. Beliau berkata, "...ada yang keluar dan tanya, "Boleh faham?" Cikgu A tanya: "Apa sebenarnya yang dia hendak?" Cikgu A kata dia [id]jak faham..." (Muna, 29/9/2000, T6/1, ms 8). ...Rakan kritis saya, Suzy mencadangkan agar masa lebih diperuntukkan untuk kursus ini agar untuk membolehkan penerokaan berlaku. Beliau mencadangkan:

Suzy: "Untuk sesi atau bengkel akan datang, mungkin anda boleh memperuntukkan lebih masa, mungkin separuh hari agar anda adalah(sic) lebih ruang untuk meneroka. Bahagian refleksi adalah penting di mana anda boleh membina konsep-konsep" (Suzy, 3/10/2000, T8, ms 7-8). Persoalan lain yang timbul ekoran daripada perubahan ini ialah kenapakah masa terlalu lama saya gunakan untuk melaksanakan perbincangan reflektif sehingga perubahan dibuat serta merta ke atas aktiviti seterusnya? Bila saya mengkaji transkripsi rakaman audio secara keseluruhannya, memang jelas bahawa terlalu masa yang lama (sic) saya peruntukkan untuk perbincangan reflektif terutama sekali semasa perbincangan reflektif untuk peringkat tinjauan dalam aktiviti memadamkan api lilin yang cuba saya kaitkan dengan peringkat tinjauan dalam PT. Catatan kajian saya menyatakan: "istilah tertentu dalam peringkat tinjauan khususnya masalah amalan sendiri, guru sendiri masih belum difahami oleh peserta kursus. Peserta kursus masih lagi menggunakan istilah masalah guru, masalah guru lain" (Catatan Saya, 21/9/2000, ms 5). Saya telah mengikut apa yang saya rancang seperti dari segi bentuk soalan reflektif yang hendak digunakan..." (Chuah, 2000b, ms 41-42).

Saya juga menggunakan cara yang dinamakan oleh Mertens (1998: p 183) sebagai "*thick description*", iaitu, "*extensive and careful description of the time, place, context and culture*". Justeru, laporan PT perlu memberi "*thick description*" tentang tindakan yang dirancang, tindakan sebenar semasa pelaksanaan selain perspektif partisipan PT lebih-lebih lagi PT berhubung dengan kajian kes. Kajian kes adalah berasaskan konteks dan situasi guru yang menyelidik. Ia adalah suatu bentuk inkuiri untuk membuat refleksi ke

atas amalan dan sebagai suatu bentuk laporan tentang pengalaman-pengalaman sendiri (Shulman & Colbert, 1989 yang dipetik oleh Merseeth, 1996: ms 729). Kes (kes-kes) diketengahkan kepada pembaca untuk *“make sense of the case”*.

Mertens (1998) juga membincangkan tentang isu *“transferability”* dan menyatakan bahawa adalah tugas *“the reader to determine the degree of similarity between the study site and the receiving context. The researcher’s responsibility is to provide sufficient detail to enable the reader to make such a judgment”* (ms 183).

Justeru, dalam menghuraikan apa yang berlaku, laporan PT biasanya dalam bentuk yang mana laporan tersebut *“tells a story about the event by relating it to a context of mutually interdependent contingencies, i.e., event which ‘hang together’ because they depend on each other for their occurrence”* (Elliott yang dipetik pada *Prosiding Seminar Kajian Tindakan 2003*: ms 155).

Dengan demikian, pembaca yang membuat generalisasi dan bukannya penyelidik (CARE, 1994, ms 77-81). Bagi Stake (1978) *“case studies...may be epistemologically in harmony with the reader’s experience and thus to that person a natural basis for generalization”* (ms 5).

Pembaca diharapkan dapat *“...vicariously experience these happenings, and draw their own conclusions”* (Stake, 1994: ms 243).

Dalam hubungan dengan partisipan PT lain, saya ingin membicarakan tentang etika *“informed consent”* dan hak kerahsiaan. McKernan (1996) menggariskan beberapa kriteria untuk mewujudkan etika dalam pendokumentasian di kalangan penyelidik PT. Antaranya ialah hak untuk diberitahu, dirunding dan dinasihatkan tentang tujuan penyelidikan dalam PT yang memberi kesan kepada semua yang terlibat dalam kajian. Walaupun fokus artikel ini adalah pada isu-isu etika dalam penggunaan data peribadi pada laporan PT, tindakan awal saya selaku penyelidik PT berhubung dengan partisipan PT lain dalam isu ini bermula sejak peringkat mengenal pasti amalan yang hendak ditambah baik (peringkat tinjauan) lagi.

Dalam PT yang saya laksanakan pada tahun-tahun 1997/1998 dan 2000, saya bermula dengan mendapatkan kebenaran bertulis daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan dan ini merupakan *“procedural ethics”* yang disebutkan oleh Guillemin dan Gillam (2004). Seterusnya, saya memperolehi kebenaran secara lisan dan bertulis daripada *“gatekeepers”*, *“stakeholders”* serta partisipan PT saya.

Untuk kedua-dua PT tersebut, saya telah menggunakan surat kebenaran menjalankan penyelidikan serta surat penglibatan sebagai kolaborator dan

partisipan kajian yang mana partisipan kajian yang sudi melibatkan diri dalam PT bersama saya telah diminta mengisi maklumat serta menandatangani surat berkenaan sebagai kontrak persetujuan penglibatan dalam PT secara sukarela. Contoh-contoh kontrak persetujuan dalam bentuk surat adalah seperti yang terdapat pada Rajah 1 hingga 3.

.....

Pn. Chuah Kim Hwa,
 Pelajar Program Kembar Sarjana IAB-UNIMAS Kohort 3,
 Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia,
 UNIMAS, Jln Dato' Mohd Musa,
 94300 Kota Samarahan, Sarawak. JANUARI 1998

Puan,

PENGLIBATAN SEBAGAI KOLABORATOR DALAM PENYELIDIKAN TINDAKAN TENTANG PENGALAMAN GURU PELATIH DALAM PENYELIDIKAN TINDAKAN

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sehubungan itu, saya..... (No. K.P.:) yang merupakan guru pelatih kursus perguruan ingin terlibat sebagai kolaborator dalam penyelidikan tindakan yang puan sedang jalankan.

3. Maklumat yang dianggap sulit seperti nama dan maklumat lain yang boleh membawa kepada pengenalan saya sebagai kolaborator kajian atau lain-lain perkara yang dianggap sensitif yang boleh menjejaskan reputasi saya dan latihan perguruan saya tidak dibenarkan untuk diguna sebagai petikan dalam kajian ini kecuali atas kebenaran.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

()
 Guru Pelatih

(Sumber: Chuah, 1998a - Lampiran D)

Rajah 1: Surat Penglibatan sebagai Kolaborator dalam PT tahun 1998

Maktab Perguruan B
Sarawak.

Pengetua,
Maktab Perguruan B

Ruj. Tuan: MP B
Tarikh: 4 September 2000

Tuan,

**KURSUS PENYELIDIKAN 12 MINGGU PERINGKAT LANJUTAN:
PERMOHONAN KEBENARAN MENJALANKAN PENYELIDIKAN SERTA
MENDAPATKAN KHIDMAT SOKONGAN LAIN UNTUK PENYELIDIKAN**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sehubungan ini, saya ingin mengemukakan kebenaran daripada tuan untuk melaksanakan penyelidikan bertajuk: “Perbincangan reflektif dalam latihan pendedahan asas penyelidikan tindakan pendidikan di kalangan guru pelatih: Satu kajian kes” di Maktab Perguruan B bermula daripada 4 September hingga 7 Oktober 2000 (Tempoh dan aktiviti penyelidikan terbabit adalah seperti pada Lampiran A). Kertas cadangan penyelidikan telah dikemukakan serta diluluskan oleh fasilitator kursus dan sesalinan kertas cadangan dikemukakan untuk rujukan tuan.

3. Saya juga ingin memohon jasa baik tuan untuk mendapat khidmat sokongan lain berkaitan untuk membolehkan penyelidikan ini dijalankan....

4. Atas sokongan padu tuan selama ini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga dan semoga penyelidikan ini dapat dijalankan dengan ada (sic) sokongan tuan.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(CHUAH KIM HWA)

Pensyarah dan Peserta Kursus Penyelidikan 12 Minggu Peringkat Lanjutan,
Maktab Perguruan B

s.k. - Ketua Unit Penyelidikan MP B
- Ketua Fasilitator Kursus Penyelidikan 12 Minggu Peringkat Lanjutan
- Penyelia Penyelidikan

(Sumber: Chuah, 2000b – Lampiran G)

Rajah 2: Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan
di Maktab Perguruan B Tahun 2000

.....

Pn. Chuah Kim Hwa,
 Peserta Kursus Penyelidikan 12 Minggu Peringkat Lanjutan
 Dan Pensyarah Maktab Perguruan B,
 Sarawak.

SEPTEMBER 2000

Puan,

PENGLIBATAN SEBAGAI PARTISIPAN KURSUS PENYELIDIKAN TINDAKAN

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sehubungan itu, saya (No.K.P.:)
 yang merupakan guru Kursus dalam Perkhidmata (sic) 6 Minggu ambilan tahun
 ingin terlibat secara sukarela sebagai partisipan dalam penyelidikan
 tindakan bertajuk “Perbincangan reflektif dalam pelaksanaan kursus pendedahan
 asas penyelidikan tindakan” yang puan sedang jalankan.

3. Penglibatan saya merangkumi penglibatan sebagai peserta kursus dan
 juga sebagai pemberi maklum balas tentang pelaksanaan kursus berkenaan. Saya
 juga memahami bahawa penglibatan saya ini tidak membabitkan pelaksanaan
 penyelidikan tindakan dan sebarang maklumat yang diberi sama ada sebagai
 peserta atau pemberi maklum balas adalah semata-mata untuk penyelidikan puan.

4. Saya juga berhak menarik diri sebagai pemberi maklum balas kursus puan
 selepas kursus ini sekiranya perlu. Maklumat yang saya beri pula boleh diguna
 untuk tujuan laporan dan sebarang aktiviti penyelidikan berkaitan dan semata-mata
 berhubung dengan kursus yang puan kendalikan ini.

5. Maklumat yang dianggap sulit seperti nama dan maklumat lain yang boleh
 membawa kepada pengenalan diri saya sebagai partisipan penyelidikan atau lain-
 lain perkara yang dianggap sensitif yang boleh menjejaskan reputasi saya dan latihan
 perguruan saya tidak dibenarkan untuk diguna sebagai petikan dalam penyelidikan
 ini atau penyelidikan lain kecuali atas kebenaran saya.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

()

Guru KDP 6 Minggu,
 Maktab Perguruan B

(Sumber: Chuah, 2000b – Lampiran H)

Rajah 3: Surat Penglibatan Sebagai Partisipan Kursus PT tahun 2000

Penerangan secara terperinci dalam bentuk perbincangan dan taklimat telah saya adakan bersama dengan “*stakeholders*” serta partisipan kedua-dua PT yang dijalankan. Objektif kajian, akibat serta implikasi penglibatan sebagai partisipan telah saya jelaskan kepada partisipan kajian seperti yang dinyatakan pada Rajah 3. Catatan pada laporan PT tahun 2000 seperti berikut menjelaskan tindakan saya.

“...Saya memaklumkan peserta KDP bahawa penyertaan mereka dalam kajian ini adalah atas prinsip sukarela kerana ada peruntukan kuliah dalam sukatan pelajaran mereka berkaitan dengan PT pada 21 September 2000. Untuk mereka yang berminat menyertai kursus PT pada 20 September 2000 pula, mereka boleh menarik diri sebagai pemberi maklum balas. Saya membaca setiap perenggan kontrak bertulis yang jelas menyentuh perkara tersebut seperti yang disertakan pada Lampiran H setelah saya mengedarkan kontrak tersebut. Partisipan kajian dimaklumkan bahawa kontrak ini boleh diserahkan selepas hari kursus sekiranya mereka setuju menjadi peserta dan partisipan kajian. Saya juga memaklumkan bahawa mereka yang menjadi peserta kursus tidak diperlukan melibatkan diri dalam pelaksanaan PT tetapi akan diminta menghasilkan satu rancangan ringkas secara grafik satu situasi pengajaran pembelajaran yang mereka kenal pasti yang membolehkan PT dijalankan” (Chuah, 2000b: ms 20).

Penerangan secara terperinci khususnya tentang implikasi dan akibat penglibatan partisipan PT dari segi jangka masa pendek dan panjang ditekankan saya sejak awal lagi kerana tanggungjawab yang saya pikul selaku penyelidik PT. Kegagalan berbuat demikian adalah “*morally wrong*” (Rich, 1984: ms 80). Selain itu, “*informed consent*” amatlah diperlukan kerana sememangnya PT tidak boleh diteruskan kecuali kebenaran diperolehi daripada pihak pentadbir, lain-lain pihak yang berkenaan serta partisipan PT khususnya. Ini juga membabitkan pelaporan secara adil dan tersebar secara adil bagi semua pihak yang terlibat.

Selain itu, tindakan saya yang lain dari segi “*informed consent*” ialah menunjukkan semula hasil interpretasi kajian kepada enam orang partisipan PT tahun 2000. Saya telah mengiriskan hasil tersebut kepada mereka memandangkan mereka telah tamat berkursus. Kesemua mereka mengiriskan semula hasil tersebut. Seorang sahaja daripada partisipan PT tersebut membuat satu pindaan kecil pada hasil interpretasi tersebut. Tujuan tindakan ini adalah untuk mengelakkan situasi yang dihadapi oleh Hilary Burgess (1985) yang mana partisipan yang terlibat dalam penyelidikan terkejut dengan penggunaan petikan kata-kata rakaman temubual dalam laporannya. Ini juga merupakan tindakan yang saya fikirkan berupa

rundingan bukti dan data yang dikumpul daripada partisipan PT saya yang mempunyai hak yang sama ke atas data tersebut.

Sering kali dibincangkan bahawa PT sendiri menekankan unsur rundingan, kolaboratif dan penglibatan bersama. Data peribadi adalah hak mereka yang terlibat dalam kajian iaitu milik mereka yang memberi data tersebut. Seperti yang dijelaskan oleh Grundy dan Kemmis (dalam Zuber-Skerrit, 1996, ms 5), PT adalah penyelidikan terhadap amalan, oleh pengamal, untuk pengamal. Pilihan sama ada perlu dirahsiakan atau tidak nama mereka yang terlibat, sebagai contohnya, adalah di tangan mereka yang terlibat dalam kajian iaitu berasaskan kepada prinsip persetujuan bersama dan kesan penggunaan data peribadi kepada diri sendiri, orang lain dan persekitaran.

Namun, dalam situasi tertentu, pilihan ini dipersoalkan bila membicarakan sama ada wujudnya prinsip memberi kebaikan yang terbesar atau terbanyak (nilai utilitarian) kepada partisipan dalam penggunaan data peribadi pada laporan PT. Saya percaya prinsip kerahsiaan dan penggunaan nama samaran perlu diguna pakai untuk menyebarkan secara adil pada partisipan yang terlibat bila menggunakan petikan kata-kata atau catatan jurnal dan diari partisipan PT semasa menulis laporan kajian. Untuk kedua-dua laporan PT yang saya hasilkan, saya berputus memberi nama samaran kepada semua partisipan kajian dalam usaha melindungi hak mereka walaupun partisipan PT berkenaan tidak keberatan memberi nama sebenar mereka. Keputusan ini saya buat dalam usaha melindungi hak mereka selaku partisipan kajian yang menghasilkan secara grafik situasi pengajaran dan pembelajaran yang mereka hadapi untuk laporan PT 1998 dan satu rancangan ringkas (secara grafik) satu situasi pengajaran pembelajaran yang mereka kenal pasti yang membolehkan PT dijalankan untuk laporan PT 2000. Tindakan ini adalah untuk mengelak penilaian dibuat ke atas jawapan mereka. Kesan kepada partisipan kajian juga dipertimbangkan kerana kemungkinan laporan tersebut digunakan oleh pihak tertentu untuk membuat penilaian terhadap keberkesanan seseorang guru. Selain itu, tindakan ini diharapkan dapat melindungi data peribadi agar tidak disalahguna serta diakses oleh orang lain yang tidak berkaitan tanpa mendapatkan kebenaran terlebih dahulu dalam kajian lain dan dalam konteks lain. Ini khususnya dalam keadaan bila partisipan kajian boleh dikenal pasti dengan mudah disebabkan oleh jawatan tertentu yang terdapat di sesebuah sekolah, sebagai contohnya.

Kesimpulannya...

Mengikut Dewey, pendidikan merupakan satu proses sosial (dalam Cohen & Manion, 1994, ms 349). Begitu juga dengan PT kerana PT melibatkan proses interaksi dalam pelaksanaan tindakan. Kemahiran interpersonal disokong oleh nilai peribadi dan profesional kemanusiaan yang berasaskan budaya yang dikongsi bersama dalam membuat pertimbangan berasaskan prinsip etika penyelidikan tertentu diperlukan. Justeru, pilihan data peribadi pada laporan PT pasti menimbulkan isu-isu etika tertentu. Dalam artikel ini telah saya huraikan etika hak kerahsiaan dan “*informed consent*” berasaskan perspektif “*insider*”. Beberapa tindakan telah saya ambil dalam menghadapi dilema yang timbul ekoran penggunaan data peribadi pada laporan saya. Tindakan-tindakan tersebut bermula sejak peringkat tinjauan lagi sehinggalah peringkat pelaporan itu sendiri. Namun, saya tidak berhajat untuk menggunakan pendekatan preskriptif dalam artikel ini tentang isu-isu etika yang timbul ekoran penggunaan data jenis peribadi pada laporan PT. Saya pasti setiap penyelidik PT menghadapi situasinya dengan cara atau tindakannya sendiri kerana sememangnya terdapat pelbagai prosedur dan tindakan yang serasi dengan penyelidik PT berkenaan. Tindakan mana yang dipilih bergantung kepada penyelidik itu sendiri berdasarkan situasi dan konteksnya.

Rujukan

- Altrichter, H., Posch, P. & Somekh, B. (1993). *Teachers investigate their work: An introduction to the methods of action research*. London: Routledge.
- Bahagian Pendidikan Guru. (2001). *Garis panduan kursus penyelidikan tindakan untuk Maktab/ Institut Perguruan Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Becker, H. S. (1967). Whose side are we on? *Social Problem*, 14, 239-249.
- Burgess, R. G. (ed.) (1985). *Issues in educational research: Qualitative methods*. London: The Falmer Press.
- Burgess, R. G. (ed.) (1989). *The ethics of educational research*. East Sussex: The Falmer Press.
- Centre for Applied Research in Education. (1994). *Coming to terms with research*. University of East Anglia: CARE, School of Education.
- Chuah Kim Hwa. (1998). *Analisis tentang peranan pengalaman pendidik guru menjalankan kajian tindakan: Suatu pendekatan model renungan sendiri secara kolektif*. Tesis Sarjana yang belum diterbitkan. Kota Samarahan, Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak.
- Chuah Kim Hwa. (1999). Analisis pengalaman pendidik guru dalam pelaksanaan penyelidikan tindakan pendidikan: Suatu pendekatan reflektif jenis renungan sendiri secara kolektif. *Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan 1999*. Anjuran Maktab Perguruan

- Samarahan, Sarawak pada 4-5 November 1999 di Maktab Perguruan Samarahan, Sarawak.
- Chuah Kim Hwa. (2000a). Model penyelidikan tindakan pendidikan: Suatu 'overview'. *Jurnal Penyelidikan MP Samarahan*, Jilid 1, 69-89.
- Chuah Kim Hwa. (2000b). *Perbincangan reflektif dalam pelaksanaan kursus pendedahan asas penyelidikan tindakan pendidikan*. Laporan yang belum diterbitkan di bawah Kursus Penyelidikan 12 Minggu Peringkat Lanjutan. Anjuran Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Chuah Kim Hwa. (2001a). *Little voice of an action researcher: The journey of understanding*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Penyelidikan Pendidikan 2001. Anjuran bersama Bahagian Pendidikan Guru dan Maktab Perguruan Hulu Kinta, Perak D. Ridzuan pada 2-3 April 2001 di Casuarina Hotel, Ipoh.
- Chuah Kim Hwa. (2001b). *Laporan 'pilot' ke atas garis panduan kursus penyelidikan tindakan untuk maktab/ institute perguruan Malaysia*. Kajian rintis yang dilaksanakan untuk Sub Unit Penyelidikan, Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Chuah Kim Hwa. (2001c). Clarifying action perspectives during interviews: Reflection of an action researcher. *Jurnal Penyelidikan MPTAR 2001*, 9-15.
- Chuah Kim Hwa. (2002). *Making sense of participants' answers through clarifying action perspectives: An insight*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Penyelidikan MP Batu Lintang tahun 2002. Anjuran Maktab Perguruan Lintang pada 17-19 October 2002 di Santubong Kuching Resort, Sarawak.
- Chuah Kim Hwa (2004). Needle in a haystack: Looking for focus in action research (Little voice of an action researcher: The journey of understanding 2). *Jurnal Akademik tahun 2004 MPTAR*, 1, 96-103.
- Chuah Kim Hwa. (2005a). Understanding related issues in supporting action research in the classroom: An insider's perspective. *Bicara Pendidik 2005*, 124-128. Kuching, Sarawak: Persatuan Pengetua-Pengetua Sekolah Menengah Sarawak.
- Chuah Kim Hwa. (2005b). *Positioning one-self in action research report: An insider's perspective (Little voice of an action researcher: The journey of understanding 3)*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam 3rd International Qualitative Research Convention 2005. Anjuran bersama Universiti Teknologi Malaysia dan Qualitative Research Association of Malaysia pada 21-23 Ogos 2005 di Sofitel Palm Resort, Senai, Johor.
- Cohen, L. & Manion, L. (1994). *Research methods in education* (4th ed.). London: Routledge.

- deMarrais, K. (2004). Elegant communications: Sharing qualitative research with communities, colleagues, and critics. *Qualitative Inquiry*, 10(2), 281-297.
- Elliott, J. (2003). Interview with John Elliott, 6 December 2002. *Educational Action Research*, 11 (2), 169-180.
- Guillemin, M., & Gillam, L. (2004). Ethics, reflexivity, and “ethically important moments” in research. *Qualitative Inquiry*, 10 (2), 261-280.
- Hitchcock, G., & Hughes, D. (1995). *Researcher and the teacher: A qualitative introduction to school-based research* (2nd ed.). London: Routledge.
- Hodgkinson, C. (1983). *The philosophy of leadership*. Oxford: Basil Blackwell Publisher Ltd.
- Hopkins, D. (1985). *A teacher's guide to classroom investigation* (2nd ed.). Buckingham: Open University Press.
- Jeffrey anak Menggu. (2003). “...AYA DU” dalam *Prosiding Seminar Kajian Tindakan 2003*. Terbitan bersama Maktab Perguruan Tun Abdul Razak dan Jabatan Pendidikan Bahagian Sri Aman-Betong sempena Seminar Kajian Tindakan yang diadakan pada 8-9 October 2003 di MP Tun Abdul Razak, Samarahan, Sarawak.
- Kemmis, S. (1988). Action research. Dalam Keeves, J. P. (ed.), *Educational research, methodology and measurement*, ms 42-49. Oxford: Pergamon Press.
- Merseth, K. K. (1996). Cases and case methods in teacher education. Dalam Sikula, J., Buttery, T. J. & Guyton, E., (1996). *Handbook of research on teacher education*. (2nd ed.) ms 722-744. New York: Simon & Schuster Macmillan.
- Mertens, D. M. (1998). *Research methods in research and psychology*. Thousand Oaks, CA.: Sage Publications.
- McKernan, J. (1996). *Curriculum action research: A handbook of methods and resources for the reflective practitioner* (2nd ed.). London: Kogan Page Limited.
- Rich, J. M. (1984). *Professional ethics in education*. Illinois: Charles C. Thomas Publisher.
- Samuel, M., Sithamparam, S. & Marohaini bt. Yusoff. (2004). Mengarang laporan penyelidikan kualitatif. Dalam Marohaini bt Yusoff. (ed.), *Penyelidikan kualitatif: Pengalaman kerja lapangan kajian*. (2nd ed.) ms 403-428. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Stake, R. E. (1978). The case study method in social inquiry. *Educational Researcher*, 7(2), 5-8.
- Stake, R. E. (1994). Case studies. Dalam Denzin, N. K. & Lincoln, Y. S. (eds.), *Handbook of qualitative research*, ms 236-247. Thousand Oaks, California: Sage Publications.
- Vallance, R. J. (2004). *Formation in research ethics: Developing a teaching approach for the social sciences*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam AARE Conference 28 November – 2 Disember 2004 di

University of Melbourne. Perolehan: <http://www.aare.edu.au/04pap/val04020.pdf>

Zuber-Skerritt, O. (ed.) (1996). *New directions in action research*. London: The Falmer Press.